

30 JUN 2002

Kedah-Pilihan Raya (Fokus Berita)/I

ADA LAGI PERTANDINGAN HEBAT SELEPAS PIALA DUNIA

Oleh: Jamaluddin Muhammad

PENDANG, 30 Jun (Bernama) -- Setelah kemeriahan Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia berakhir hari ini, dua lagi pertandingan yang tidak kurang hebatnya akan berlangsung 18 Julai ini.

Pertandingan yang dimaksudkan ialah pilihan raya kecil bagi kerusi Parlimen Pendang dan kerusi Dewan Undangan Negeri Anak Bukit di Kedah yang dijangka menjadi saingan sengit antara Barisan Nasional dan Pas.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang menjadi "kapten" BN Kedah semasa parti itu tewas di tangan Parti Keadilan Nasional pada pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Lunas pada November 2000, berkata beliau sudah bersedia sepenuhnya untuk menerajui pasukannya dalam kedua-dua pilihan raya kecil kali ini.

"Semasa pilihan raya kecil Lunas, saya tidak bersedia sepenuhnya untuk menghadapi cabaran kerana hanya menjadi ketua selama empat bulan (setelah dilantik sebagai Menteri Besar) sebelum bermulanya perlawanan," katanya kepada Bernama di sini.

Tetapi, setelah dua tahun setengah mengemudi Kedah, beliau kini sudah bersedia sepenuhnya untuk memikul tanggungjawab bagi menjamin kemenangan BN dalam kedua-dua perlawanan yang bakal dihadapi.

"Kini kita bermain di padang lain. Ini bukan Lunas. Lagipun, semua isu yang dibangkitkan dalam perlawanan di Lunas sudahpun diselesaikan," katanya.

Isu-isu itu termasuk yang mempunyai kaitan dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim, sekolah wawasan dan kegagalan projek udang harimau di Kerpan.

Syed Razak berkata 98 peratus dari kawasan Pendang dan Anak Bukit kini dilengkapi pelbagai kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik dan menjelang akhir tahun ini, semua kawasan akan menikmati kemudahan serupa.

"Tiada isu besar yang boleh diambil kesempatan oleh pembangkang dalam kedua-dua pilihan raya kecil ini. Malah, Harakah sendiri tidak menonjolkan walaupun satu isu," katanya.

Adakah dua pilihan raya kecil ini boleh dijadikan ukuran tentang keberkesanan kepimpinan beliau sebagai "kapten Kedah" setelah mewarisinya daripada Tan Sri Sanusi Junid?

"Ia tidak boleh dijadikan ukuran. Pilihan raya kecil adalah perkara biasa yang berlaku apabila kerusi menjadi kosong. Kita perlu menang kedua-dua perlawanan ini," katanya.

Selaras dengan matlamat itu, BN negeri telah melancarkan "Ops Ambik Balik" untuk merampas semula kedua-dua kerusi berkenaan yang menjadi milik tradisi BN sebelum pilihan raya umum 1999.

Setelah kecundang di Lunas, BN kehilangan majoriti dua pertiga dalam Dewan Undangan Negeri Kedah dengan hanya menguasai 23 kerusi manakala Pas mempunyai 11 kerusi dan Keadilan satu kerusi, tidak termasuk kerusi Anak Bukit yang kosong sekarang.

Syed Razak berkata kemenangan pada pilihan raya kecil kali ini amat penting bukan sahaja untuk membolehkan BN menguasai majoriti dua pertiga kerusi dewan undangan negeri tetapi juga untuk memantapkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial di Kedah.

Katanya semangat yang ditunjukkan oleh anggota UMNO pada perhimpunan agung parti itu baru-baru ini khususnya semasa merayu "presiden pasukan", Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya terus mengekalkan jawatan beliau, memberi banyak kelebihan dalam kedua-dua perlawanan yang bakal dihadapi itu.

Syed Razak juga berkata keputusan kedua-dua pilihan raya kali ini tidak sepatutnya dijadikan ukuran tentang kekuatan BN atau Pas dalam usaha masing-masing untuk mengekalkan atau merampas Kedah pada pilihan raya umum akan datang kerana kedua-dua pilihan raya berkenaan hanyalah pilihan raya kecil.

Bagaimanapun, Pas mempunyai pandangan berbeza tentang perkara itu.

"Kapten" Pas Kedah Haji Azizan Abdul Razak berkata beliau percaya keputusan pilihan raya kecil kali ini akan mencerminkan kemampuan parti itu menawan Kedah pada pilihan raya umum akan datang.

"Kami anggap pilihan raya kecil ini sama seperti pilihan raya umum dan kami sentiasa bersedia," kata Pesuruhjaya Pas Kedah itu.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Presiden Pas Datuk Fadzil Noor, penyandang kedua-dua kerusi berkenaan, pada 23 Jun.

-- BERNAMA

JM SP MAI